

# Utamakan dana tabung kecemasan

**SHAH ALAM** - Menyediakan dana tabung kecemasan harus menjadi keutamaan bagi pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mengeluarkan wang daripada akaun satu mereka.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah, Jaringan Industri dan Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, langkah itu merupakan kaedah terbaik untuk mereka membelanjakan wang yang diperolehi menerusi skim i-Sinar tersebut.

“Selepas membuat dana tabung kecemasan, baki wang selebihnya boleh digunakan untuk pelaburan yang boleh mendatangkan keuntungan,” katanya kepada *Sinar Ahad*.

Mengulas lanjut, Mohamad Fazli berkata, orang ramai perlu sedar bahawa tabung kecemasan adalah per-

kara yang perlu diberi keutamaan sebagai ‘talian hayat’ sekiranya berlaku perkara tidak diingini.

Beliau bagaimanapun berkata, tidak semua wang yang dikeluarkan itu digunakan sebagai tabung kecemasan, sebaliknya sebahagian daripadanya boleh digunakan untuk keperluan lain.

“Bagi mereka yang ingin menggunakan wang tersebut untuk melabur sama ada beli saham, pelaburan emas atau untuk membeli peralatan elektronik sekalipun tidak salah, asalkan perbelanjaan itu bermanfaat.

“Kalau berhasrat untuk melabur, pastikan pelaburan yang dibuat itu menawarkan keuntungan tetapi bukan bentuk skim cepat kaya,” katanya.

Katanya, orang ramai yang berhasrat untuk melabur dinasihatkan untuk mempelajari ilmu yang betul agar pelaburan itu membawa keuntungan.